



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

FRIM394/339/1/1

Tarikh: 02.10.2014

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 7/2014

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

**1. (a) JAWATAN : PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N17 /
SETIAUSAHA PEJABAT GRED N27
(Kekosongan satu (1) jawatan)**

(b) PENEMPATAN: Pejabat Timbalan Pengarah Operasi

**(c) TARAF
JAWATAN :** TETAP/KONTRAK

(d) JADUAL GAJI: RM 928.00 (Minimum) – RM 3,375.00 (Maksimum)

(e) KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN: RM 95.00

(f) IMBUHAN :

(i) TETAP KHIDMAT AWAM : RM 115.00

(ii) TETAP PERUMAHAN : RM 180.00

(iii) BANTUAN SARA HIDUP : RM 300.00

(g) SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) terdiri daripada warganegara;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) (a) **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED N17**

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas atau nota rintias (*note taking*) dengan kederasan 20 p.s.m. daripada rencana dan menaip salinan trengkas seederas 15 p.s.m. dengan kesalahan tidak melebihi 4%.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer).

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : RM RM 983.43);

(b) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED N27

Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 : RM RM1,362.00); atau

Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 : RM RM1,661.95) dan

- (iv) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(h) PENGALAMAN BEKERJA :-

Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam menguruskan kerja-kerja yang berkaitan perkhidmatan kesetiausahaan seperti menyediakan surat-menyurat (terbuka dan terperingkat), laporan, kertas kerja dan pengurusan fail. Calon yang berkemahiran dengan Pengurusan Dokumen Elektronik (GOE-EGDMS) adalah diutamakan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan atas talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) (www.frim.gov.my).

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 Oktober 2014 (Rabu)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.